



SIARAN MEDIA

KAEDAH PENGURUSAN DAN PEMILIHAN UNIT RUMAH PESERTA PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) AMPAR TENANG, DENGKIL, PARLIMEN SEPANG, SELANGOR

PUTRAJAYA, 15 NOVEMBER 2025 - Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang dibangunkan bagi menempatkan semula penduduk RKR Taman Permata yang merupakan penempatan semula bagi pekerja-pekerja Ladang Perang Besar, Medingly, Galloway dan Sedgely bagi memberi laluan kepada pembangunan Putrajaya. Setelah sekian lama mendiami RKR tersebut, penduduk perlu dipindahkan ke suatu kawasan penempatan yang baharu berikutan isu keretakan serius pada struktur bangunan yang telah disahkan tidak selamat untuk didiami.

Pemilihan lokasi di kawasan Ampar Tenang, Dengkil ini merupakan projek **hasil kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor** bagi memastikan keselamatan serta kesejahteraan penduduk terus terpelihara dan terbela. Dengan keluasan tanah **30 ekar** yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan kos pembangunan sebanyak **RM88 juta** yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, PPR Ampar Tenang telah siap sepenuhnya dan **sedia didiami mulai tahun 2025**.

PPR Ampar Tenang, Dengkil ini merupakan unit teres kos rendah satu (1) tingkat dengan harga jualan ditetapkan sebanyak RM20,000 seunit mengambil kira harga pembelian RKR Taman Permata, Dengkil. Berdasarkan **keputusan Kerajaan pada 12 Oktober 2016**, peserta perlu **menyelesaikan bayaran RM20,000** bagi rumah asal RKR Taman Permata sebelum layak ditawarkan unit di PPR Ampar Tenang. Peserta juga tertakluk kepada **moratorium pemilikan selama 10 tahun**, di mana sebarang pindah milik unit tidak dibenarkan bagi mengelakkan manipulasi harga.

Para peserta diberikan tiga (3) kaedah pelupusan RKR Taman Permata seperti berikut:

- 1) Bagi penduduk yang telah membayar sepenuhnya harga rumah RKR Taman Permata, mereka akan ditawarkan unit rumah baharu tanpa membuat sebarang bayaran tambahan;
- 2) Bagi penduduk yang masih belum membayar sepenuhnya harga rumah RKR Taman Permata, mereka perlu membayar baki bayaran sepenuhnya sebelum ditawarkan rumah Baharu tanpa membuat bayaran tambahan; dan

- 3) Bagi penduduk yang masih belum membuat apa-apa bayaran unit rumah RKR Taman Permata, mereka akan ditawarkan dengan harga jualan RM20,000 seunit.

Fasa pertama penempatan melibatkan **161 peserta** telah dilaksanakan pada 6 Oktober 2025. Senarai peserta terpilih terdiri daripada **pemilik asal RKR Taman Permata** yang telah disahkan pemilikannya oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Pengisian seterusnya akan dijalankan secara berperingkat selepas urusan pengesahan nama selesai oleh pihak PNSB.

Bagi penentuan unit rumah, **kaedah undian manual** akan digunakan bagi memastikan peluang sama rata kepada semua peserta. Peserta akan **mencabut nombor unit rumah masing-masing secara terbuka** semasa majlis penyerahan surat tawaran, disaksikan oleh semua hadirin bagi menjamin ketelusan proses.

Kaedah undian ini turut digunakan di semua PPR seliaan Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan diteruskan pelaksanaannya di PPR Ampar Tenang. Justeru, **isu pilih kasih atau keistimewaan** untuk mendapatkan lot tepi (*corner lot*) tidak timbul dalam proses pemilihan unit rumah.

Proses ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memastikan pemilihan peserta dilaksanakan secara **telus, adil dan berintegriti**. Dengan penyediaan perumahan berkualiti dan lestari selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, KPKT terus berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat serta mengekalkan rakyat sebagai teras utama pembangunan negara.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

